



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PENGANJURAN SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2025

AYER KEROH, 4 April – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memilih **Negeri Melaka sebagai lokasi pertama bagi siri jelajah Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2025** pada tahun ini. Majlis *kick-off* SMP 2025 telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Melaka International Trade Centre (MITC).

Sambutan Minggu Perpaduan adalah program di bawah kerangka Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Program ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia. Untuk makluman, tahun ini, **Negeri Pulau Pinang telah dipilih sebagai lokasi perasmian SMP peringkat Kebangsaan yang akan berlangsung pada 16 – 20 Julai 2025.**

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, “SMP ini bukan hanya sekadar satu acara, tetapi merupakan peringatan bahawa perpaduan adalah asas kekuatan negara kita. Negara Malaysia dibina atas dasar semangat muafakat, saling menghormati, dan keadilan antara semua kaum. Kejayaan kita selama ini dalam membangun sebuah negara yang stabil dan makmur adalah hasil daripada kerjasama dan kesepakatan semua rakyat, tanpa mengira latar belakang, budaya, dan agama. Semoga semangat perpaduan yang kita semai bersama akan terus berkembang dan memberi manfaat yang besar kepada negara dan generasi akan datang”.

Sambutan SMP di Melaka diserikan dengan pelbagai pengisian interaktif meliputi setiap lapisan umur seperti *Unity Fun Walk*, Pertandingan Mewarna Berkeluarga - Raya MADANI, Pertandingan Dondang Sayang dan Keroncong, Pertandingan Sukan Rakyat Perpaduan, pameran Rumah KAMI (rumah etnik), Persembahan Silang Budaya, Pertandingan Karakter Perpaduan, Pertandingan Kerabu UNITI Jiran Wanita, Jualan Rahmah serta pameran daripada jabatan serta agensi Kerajaan.

Siri jelajah Sambutan Minggu Perpaduan akan menjelajah ke setiap negeri pada ketetapan berikut :

Tarikh	Negeri	Perasmi
4 – 5 April 2025	Melaka	YB Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara
17-19 April 2025	Kedah	YB Senator Puan Saraswathy Kandasami Timbalan Menteri Perpaduan Negara
8-10 Mei 2025	Kelantan	YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin Bin Haji Daud Menteri Besar Kelantan
9 - 11 Mei 2025	Pahang	YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail Menteri Besar Pahang
16 -18 Mei 2025	Johor	YB Senator Puan Saraswathy Kandasami Timbalan Menteri Perpaduan Negara
14 - 15 Jun 2025	Perlis	DYMM Tuanku Raja Perlis
19 - 21 Jun 2025	Terengganu	YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar Menteri Besar Terengganu
28 - 29 Jun 2025	Sabah	YAB Datuk Seri Panglima Hj. Hajiji Bin Hj Noor Ketua Menteri Sabah
16 - 20 Julai 2025	Pulau Pinang	Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Yang Di Pertuan Agong
25 - 27 Julai 2025	Sarawak	YB Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara
2- 3 Ogos 2025	Negeri Sembilan	YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Bin Harun Menteri Besar Negeri Sembilan
8-10 Ogos 2025	W.P Kuala Lumpur	YB Senator Puan Saraswathy Kandasami Timbalan Menteri Perpaduan Negara

16-17 Ogos 2025	W.P Labuan	YB Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara
22- 24 Ogos 2025	Selangor	Duli Yang Maha Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Shafaruddin Idris Shah Raja Muda Negeri Selangor
12 - 14 September 2025	W.P Putrajaya	Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara
26-28 September 2025	Perak	YAB Dato' Seri Saarani Bin Mohamad Menteri Besar Perak

KPN berharap agar penganjuran SMP dapat memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum serta dijadikan sebagai tapak integrasi baharu dalam usaha mengeksplorasi detik-detik perpaduan yang manis dalam membina sebuah negara maju.

Kementerian Perpaduan Negara

4 April 2025

KPN.100-9/1/16 (21)